

Dapatan Kajian Fasa 2: Fasa Reka bentuk dan Pembinaan

Bahagian ini akan membincangkan penilaian pakar dan pengguna dalam fasa pembangunan. Penilaian pakar melibatkan penilaian kandungan, pedagogi dan reka bentuk pengajaran modul Bahasa Melayu yang dibangunkan, manakala penilaian pengguna, iaitu penilaian guru dan pelajar melibatkan penilaian terhadap kekuatan dan kelemahan modul yang dibangunkan ini. Tujuan penilaian ini adalah bagi menjawab soalan kajian 3, iaitu **‘Apakah penilaian pakar terhadap kesahan kandungan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu?’**

Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul

Ulasan kumpulan pakar diperlukan bagi mendapatkan perspektif yang berbeza terhadap modul yang dibangunkan bagi memastikan berlakunya kesahan modul (Tessmer, 1993). Dalam kajian ini sekumpulan pakar yang terdiri daripada enam pakar dilibatkan. Mereka terdiri daripada dua pakar kandungan pelajaran Bahasa Melayu, dua pakar reka bentuk pengajaran, dan dua pakar pedagogi Bahasa Melayu.

Aspek yang dinilai oleh pakar kandungan pelajaran Bahasa Melayu ialah: (1) kesesuaian kandungan modul dengan sukatan pelajaran BM Tingkatan 4, (2) kemampuan kandungan modul pengajaran BM untuk memenuhi objektif pelajaran yang ditetapkan, dan (3) kebolehlaksanaan pengajaran bahasa secara menyeluruh. Perincian penilaian pakar kandungan dinyatakan dalam Lampiran E1.

Aspek penilaian pedagogi atau strategi pengajaran pula melibatkan penilaian pakar terhadap (1) kejelasan dan kebolehcapaian objektif pelajaran, (2) pengembangan isi pelajaran, (3) aras penguasaan isi pelajaran, (4) kesesuaian dan keberkesanan aktiviti yang dijalankan, (5) keberkesanan dan kesesuaian bahan pembelajaran yang digunakan,

dan (6) kesesuaian dan keberkesanan penilaian membantu mencapai objektif pelajaran. Sesi temu bual bersemuka dijalankan bagi mendapatkan data semua data di atas. Perincian penilaian pakar pedagogi dinyatakan dalam Lampiran E2.

Aspek penilaian reka bentuk melibatkan penilaian pakar terhadap (1) kesesuaian modul pengajaran dengan latar belakang dan pengetahuan pelajar, (2) kesesuaian modul dengan keperluan konteks pembelajaran dan objektif pelajaran, (3) kebolehkukuran objektif pelajaran, (4) pemilihan dan penyusunan kandungan pelajaran, (5) ketepatan langkah-langkah atau urutan (*sequencing*) pengajaran yang digunakan, (6) kesesuaian bahan pembelajaran, dan (7) prinsip penilaian berterusan dan autentik. Perincian penilaian reka bentuk modul ditunjukkan dalam Lampiran E3.

Bagi mendapatkan data tentang kesahan kandungan, pedagogi dan reka bentuk pengajaran, protokol temu bual separa berstruktur digunakan. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dilakukan secara bersiri berdasarkan kesediaan pakar tersebut. Lembaran penilaian pakar digunakan bagi menganalisis persetujuan pakar terhadap modul yang dibangunkan. Lembaran ini dilampirkan dalam Lampiran E4. Dapatan penilaian pakar digunakan bagi menambah baik modul yang dibangunkan.

Penilaian pakar kandungan.

Dua pakar terlibat bagi menilai isi kandungan modul ini. Pakar ditandai sebagai Pakar A1 dan A2. Pakar A1 seorang pensyarah kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim. Berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Berpengalaman selama 14 tahun mengajar bidang pendidikan Bahasa Melayu di IPT. Begitu juga dengan Pakar A2. Beliau mengajar bidang pendidikan Bahasa Melayu di UPSI selama 14 tahun. Berkelulusan Ph. D dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu.

Kedua-dua pakar kandungan melakukan semakan secara terperinci terhadap modul yang dibangunkan. Secara keseluruhannya, mereka berpuas hati terhadap isi kandungan modul. Namun, terdapat beberapa saranan dan cadangan yang diberikan bagi memantapkan dan menambah baik modul pengajaran ini bagi memastikan pelaksanaannya dapat dijalankan dengan berkesan. Saranan pakar dilihat dari sudut (1) aspek umum penulisan modul yang merangkumi aspek penulisan objektif pelajaran, penulisan arahan, ejaan, penggunaan istilah dan format penulisan modul, (2) kesesuaian kandungan dengan matlamat dan objektif pelajaran, (3) kesesuaian pemilihan hasil pembelajaran, (4) strategi pengajaran, (5) maklumat isi kandungan, (6) penilaian yang dijalankan, dan (7) bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam modul ini.

Aspek umum penulisan modul.

Secara keseluruhannya, Pakar A1 menyatakan bahawa penulisan dan pembangunan modul ini baik, namun terdapat beberapa kesalahan umum seperti kesalahan ejaan dan ayat, kesalahan penulisan arahan dan kesalahan penggunaan istilah dan format penulisan modul. Antara cadangan beliau adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah:

a) Kesalahan ejaan dan ayat:

Kesalahan	Modul	Langkah pelajaran	Kesilapan asal	Cadangan
Ejaan	1	Langkah 2, Arahan 3	‘Pelajar diminta membentuk 4/5 kumpulan’	‘Pelajar diminta membentuk empat atau lima kumpulan’.
Ayat	1	Langkah 3, Arahan 1	...dalamnya termuat tentang masalah sosial.....	Dalamnya termuat maklumat tentang masalah sosial...
Ayat	1	Langkah 3, Arahan 1	..bagi mendapatkan maklum balas daripada pelajar ialah:	..bagi mendapatkan maklum balas daripada pelajar.
Ayat	2	Langkah 1	Guru memaparkan tragedi jenayah ragut yang meragut nyawa .	Guru memaparkan gambar jenayah ragut yang berlaku di negara kita .
Ayat	2	Langkah 3, aktiviti 1	Pelajar diminta menyampaikan perbentangan tentang tajuk yang ditugaskan berdasarkan bahan grafik yang dibina.	Pelajar diminta membentangkan tugas yang diberi berdasarkan bahan grafik yang disediakan.
Ejaan	2	Langkah 3, aktiviti 3	Perbentangan ini mestilah mengandungi aspek yang berikut.	Pembentangan ini mestilah mengandungi aspek yang berikut.
Ejaan	3	Objektif pelajaran	Mengutarakan soalan yang berbentuk provokasi bagi menyatakan pemikiran atau pendapatnya berdasarkan isu yang dibincangkan.	Mengutarakan soalan yang berbentuk provokasi bagi menyatakan pemikiran atau pendapatnya berdasarkan isu yang dibincangkan.

b) Kesalahan istilah dan ketidakjelasan arahan:

Kesalahan	Modul	Langkah pelajaran	Kesilapan asal	Cadangan
Penggunaan istilah	2		set induksi.	Induksi set
Kata sendi	3	Langkah 1 (soalan guru)	Adakah anda akan membiarkan mereka mati kelaparan?	Adakah anda sanggup membiarkan mereka mati kelaparan?
Ketidakjelasan arahan	2	Induksi set	Guru meminta pelajar melihat gambar yang berikut dan meminta pelajar menyatakan jenis jenayah yang dipaparkan itu.	Guru meminta pelajar melihat gambar kejadian ragut yang dilampirkan dan meminta pelajar menyatakan jenis jenayah yang dipaparkan itu.
Ketidakjelasan soalan	2	Langkah 1	Apakah perasaan anda?	Apakah perasaan anda terhadap gambar-gambar yang dilihat?
Ketidakjelasan arahan guru	3	Langkah 3	Pelajar diminta membina ayat-ayat yang sesuai bagi menimbulkan simpati orang lain terhadap golongan masyarakat yang tidak bernasib baik.	Pelajar diminta membina ayat-ayat provokasi bagi menimbulkan simpati orang lain terhadap golongan masyarakat yang tidak bernasib baik dengan bimbingan guru.

c) Format penulisan modul yang tidak tepat:

Kesalahan	Modul	Langkah pelajaran	Kesilapan asal	Cadangan
Format penulisan	2	Induksi set	Aktiviti: Perbincangan 1. Guru bersama-sama pelajar mengimbas kembali isi pelajaran yang lepas berkaitan dengan isu bencana sosial. Apakah yang kita belajar tempoh hari? Apakah pandangan anda bagi mengatasi masalah tersebut?	Penulisan modul: Bezakan antara soalan yang akan ditanya kepada pelajar dengan aktiviti pembelajaran dalam setiap langkah pengajaran. Aktiviti: Perbincangan 1. Guru bersama-sama pelajar mengimbas kembali isi pelajaran yang lepas berkaitan dengan isu bencana sosial. <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"><i>Apakah yang kita belajar tempoh hari?</i> <i>Apakah pandangan anda bagi mengatasi masalah tersebut?</i></div>

Kesesuaian kandungan dengan matlamat dan objektif pelajaran.

Pakar A1 meneliti modul yang dibangunkan. Secara keseluruhannya beliau berpuas hati dengan isi kandungan yang dimuatkan dalam modul ini. Beliau menyatakan bahawa isi kandungan yang akan disampaikan kepada pelajar melalui modul ini selari dengan kehendak dan matlamat pendidikan Bahasa Melayu, iaitu memberi penekanan yang seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa. Namun, beliau mencadangkan agar aplikasi prinsip holistik atau bersepadu dalam modul ini ditulis dengan jelas dalam perskripsi modul. Cadangan Pakar A1 ditandakan dengan simbol √.

Modul 1:

a) Pengisian Kurikulum:

Ilmu:		Sosial
Nilai:		Semangat bermasyarakat
KBT:		Kemahiran berfikir
√ Prinsip holistik:		<i>Hubungan sesama masyarakat</i>

b) Langkah 1

Masa: 25 minit

BBM: Petikan akhbar tentang masalah buang bayi (Lampiran 1a, 1b, dan 1c)

Aktiviti: Membaca dan bertutur tentang isu buang bayi.

√ Aplikasi prinsip bersepadu: *Memupuk potensi rohani melalui perasaan simpati/empati (Potensi diri)*

Pakar A2 juga menilai modul ini dengan teliti. Daripada semakannya terhadap modul ini, beliau mencadangkan beberapa pembetulan dan pindaan terhadap modul ini. Antaranya ialah kesalahan ejaan, ayat dan istilah dan gaya penulisan modul. Antara cadangan beliau ialah ‘membezakan antara arahan pengajaran dengan aktiviti pelajaran’ agar format penulisan modul lebih tersusun. Contoh cadangan:

Modul 1, Langkah 1, Aktiviti 3 (Asal)

Guru dan pelajar bersoal jawab tentang petikan yang diberi.

Apakah yang anda lihat?

Apakah isu yang dinyatakan dalam petikan tersebut?

Di manakah bayi itu ditemui?

Siapakah yang terlibat dalam kes ini?

Modul 1, Langkah 1, Aktiviti 3 (Pindaan)

Guru dan pelajar bersoal jawab tentang petikan yang diberi.

Apakah yang anda lihat?

Apakah isu yang dinyatakan dalam petikan tersebut?

Di manakah bayi itu ditemui?

Siapakah yang terlibat dalam kes ini?

Dari aspek kesesuaian kandungan dengan matlamat dan objektif pelajaran, Pakar A2 berpendapat bahawa pengisian kurikulum yang dirancang sesuai dengan objektif pelajaran yang terkandung dalam *Sukatan Pelajaran BM* Tingkatan Empat. Namun, beliau mencadangkan agar penulisan Objektif Pelajaran 1 (Modul 1) dibetulkan agar mudah diukur pencapaiannya. Contoh cadangannya:

Objektif: Pada akhir pembelajaran pelajar dapat (asal):

- i. menyatakan secara sekurang-kurangnya empat sebab remaja terjebak dalam masalah sosial berdasarkan teks yang dibaca.
- ii. menyatakan dengan tepat sekurang-kurangnya empat peranan remaja dalam menangani masalah sosial dalam bentuk poster yang lengkap.

Objektif: Pada akhir pembelajaran pelajar dapat (pindaan):

- i. menyatakan secara *lisan* sekurang-kurangnya empat sebab remaja terjebak dalam masalah sosial berdasarkan teks yang dibaca.
- ii. menyatakan dengan tepat sekurang-kurangnya empat peranan remaja dalam menangani masalah sosial dalam bentuk poster yang lengkap.

Dari aspek kesesuaian pemilihan hasil pembelajaran (HP), kedua-dua pakar menyatakan bahawa HP yang dipilih sesuai dan dapat menyokong objektif pelajaran. Mereka juga menyatakan bahawa kandungan modul ini merangkumi semua aspek organisasi kurikulum di samping mengandungi pengisian yang seimbang antara kemahiran linguistik dan kemahiran berbahasa. Dari aspek strategi pengajaran pula, pakar sependapat mengatakan bahawa modul ini menepati kehendak pendekatan berpusatkan pelajar. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bersifat autentik dan diperoleh daripada pelbagai sumber. Namun demikian, Pakar A2 menyatakan terdapat juga beberapa aspek yang perlu dipinda bagi memastikan objektif pelajaran tercapai. Antaranya ialah beberapa aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu disusun semula, misalnya beliau mencadangkan beberapa pindaan seperti yang dinyatakan dalam Langkah 3 (Modul 1) di bawah.

Langkah 3 (asal)

Masa: 20 minit

BBM: Peta minda, kertas sebak, alat tulis.

Aktiviti: Menulis poster

1.	<p>Pelajar diminta membina poster berdasarkan maklumat yang dibincangkan.</p> <p><i>“Berdasarkan maklumat yang telah dibincangkan bincangkan, bina sebuah poster yang bertajuk “MASALAH SOSIAL: APAKAH PERANAN ANDA”. Lakukan aktiviti ini secara berkumpulan</i></p>
----	---

Langkah 3 (pindaan)

Masa: 20 minit

BBM: Peta minda, kertas sebak, alat tulis.

Aktiviti: * Melengkapkan poster

1.	<p>Pelajar diminta melengkapkan poster berdasarkan maklumat yang dibincangkan.</p> <p><i>“Berdasarkan maklumat yang telah dibincangkan bincangkan, lengkapkan poster yang bertajuk “MASALAH SOSIAL: APAKAH PERANAN ANDA”. Gunakan ayat songsang untuk melengkapkan poster tersebut. Lakukan aktiviti ini secara berkumpulan</i></p>
----	---

Dari aspek maklumat isi kandungan, kedua-dua pakar setuju mengatakan bahawa isi kandungan modul ini menyeluruh, tepat dengan sukatan pelajaran Tingkatan 4, relevan dengan pelajar dan menarik. Mereka juga menjelaskan bahawa penilaian yang dirancang sesuai dengan objektif pelajaran dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang. Dari aspek bahan pengajaran dan pembelajaran pula, Pakar A2 mencadangkan penggunaan video dalam modul 3. Pakar mencadangkan agar video seperti lagu ‘Wajah’ digunakan bagi memaparkan maklumat yang cukup tentang kemiskinan berbanding penggunaan gambar dalam Langkah 1 dan 2. Beliau menyatakan bahawa penggunaan video lebih menarik dan dapat menyentuh perasaan pelajar berbanding dengan gambar semata-mata. Kesimpulannya, cadangan dan pandangan Pakar A1 dan A2 terhadap modul yang dinilai adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- (1) Pastikan tiada kesalahan bahasa
- (2) Kemas kini format penulisan modul
- (3) Semak penulisan objektif pelajaran
- (4) Nyatakan aplikasi pendekatan bersepadu dalam perskripsi modul
- (5) Susun aktiviti atau tugas mengikut aras kesukaran yang sesuai
- (6) Gunakan pelbagai bahan seperti video dan audio visual selain gambar semata-mata bagi menyampaikan sesuatu mesej yang abstrak

Penilaian pakar pedagogi.

Dua pakar terlibat bagi menilai strategi pengajaran yang digunakan dalam modul. Pakar ditandai sebagai Pakar B1 dan B2. Pakar B1 seorang pensyarah kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI, Tanjong Malim. Berpengalaman luas dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah dan IPT. Pakar B2 pula seorang guru pakar Bahasa Melayu di sekolah menengah. Berpengalaman luas sebagai guru Bahasa Melayu dan berkhidmat selama 26 tahun sebagai guru Bahasa Melayu di sekolah menengah dan empat tahun sebagai guru pakar Bahasa Melayu.

Kedua-dua pakar ini menilai modul yang dibina dari aspek strategi pengajaran yang melibatkan penilaian (1) kejelasan dan kebolehcapaian objektif pelajaran, (2) pengembangan isi pelajaran, (3) aras penguasaan isi pelajaran, (4) kesesuaian dan keberkesanan aktiviti yang dijalankan, (5) keberkesanan dan kesesuaian bahan pembelajaran yang digunakan, dan (6) kesesuaian dan keberkesanan penilaian membantu mencapai objektif pelajaran.

Setelah meneliti semua modul, Pakar B1 dan B2 sependapat menyatakan bahawa secara keseluruhannya modul yang dibangunkan boleh dilaksanakan dengan syarat beberapa pindaan perlu dilakukan bagi memantapkannya. Antara cadangan mereka ialah:

Kejelasan dan kebolehcapaian objektif pelajaran.

Pakar B1 dan B2 menyatakan bahawa penulisan objektif pelajaran (OP) setiap modul boleh dicapai dan memenuhi ketiga-tiga domain dan aras pengetahuan. Namun, mereka mencadangkan beberapa pindaan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: *Komen Pakar Pedagogi terhadap Objektif Pelajaran Modul*

Aspek Dinilai	Modul	Pakar B1	Pakar B2
Objektif Pelajaran	Modul 1	Objektif Pelajaran 1 tidak jelas. Kemahiran bahasa yang perlu dikuasai tidak dinyatakan dengan jelas <i>Cadangan:</i> Pada akhir pelajaran pelajar dapat menyatakan secara lisan sekurang-kurangnya empat sebab remaja terjebak dalam masalah sosial berdasarkan teks yang dibaca. Objektif Pelajaran 2 sukar dicapai. <i>Cadangan:</i> Gantikan tingkah laku ‘membina poster’ dengan ‘melengkapkan poster’	Tidak jelas. Perlu dijelaskan kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai. <i>Cadangan:</i> Pada akhir pelajaran pelajar dapat menyatakan secara lisan sekurang-kurangnya empat sebab remaja terjebak dalam masalah sosial berdasarkan teks yang dibaca. Objektif Pelajaran 2 sukar dicapai. <i>Cadangan:</i> ‘melengkapkan poster’
	Modul 2	Objektif Pelajaran 2 sukar dicapai kerana pelajar tidak diberikan panduan untuk melakukannya <i>Asal:</i> Pada akhir pelajaran pelajar dapat <i>menulis</i> maklumat yang terdapat dalam teks yang dibaca ke dalam bentuk grafik. <i>Cadangan:</i> Pada akhir pelajaran pelajar dapat <i>mengisi</i> jadual dengan maklumat yang terdapat dalam teks yang dibaca.	Objektif Pelajaran 2 sukar dicapai. Boleh dicapai jika pelajar diberi bimbingan seperti mengisi jadual.

Pengembangan isi pelajaran.

Dari aspek pengembangan isi, Pakar B1 dan B2 menyatakan bahawa induksi set modul yang dibangunkan ini menarik dan mencabar minda pelajar. Penggunaan keratan akhbar tentang ‘Kes Buang Bayi’ dalam Modul 1, bahan grafik tentang jenayah ‘Ragut’ (Modul 2), dan lagu ‘Wajah’ (Modul 3) dapat menarik minat pelajar dan menyentuh perasaan mereka. Namun, bagi menambah baik modul ini, mereka mencadangkan beberapa pindaan. Cadangan mereka seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Komen Pakar Pedagogi terhadap Pengembangan Isi Pelajaran Modul

Aspek Dinilai	Modul	Pakar B1	Pakar B2																		
Pengembangan isi Pelajaran	Modul 1	<p>Kurang sesuai. LP perlu dirombak. LP asal: LP 1-Berbincang teks kes buang bayi. LP 2-Berbincang tentang teks yang dibaca. LP 3-Aplikasi isu _membina poster berdasarkan maklumat yang dibincangkan.</p> <p>LP yang dicadangkan: LP 1-memahami isu_berbincang tentang yang dibaca LP 2-mendalami isu_mengenal pasti faktor-faktor gejala sosial LP 3-Aplikasi isu_gunakan maklumat untuk membina ayat pasif yang tepat.</p>	<p>Perlu pengubahsuaian. LP 3 perlu diubah suai. Rajah digunakan dalam LP 2. manakala LP 3 pelajar diminta membina ayat pasif berdasarkan maklumat yang dibincangkan.</p>																		
	Modul 2	<p>Sukar dilaksanakan bantu pelajar memahami teks yang mengandungi maklumat statistik ini.</p>	<p>Aktiviti dalam Langkah 2 sukar dilaksanakan kerana tiada panduan daripada guru. Cadangan: Pelajar diminta melengkapkan jadual dengan maklumat tentang kadar peningkatan tiga jenis jenayah dalam bentuk jadual yang disediakan.</p> <p>Contoh rajah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Jenayah</th> <th colspan="2">Tahun</th> <th rowspan="2">Jumlah</th> </tr> <tr> <th>009</th> <th>010</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>ragut</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Samun bersenjata</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Samun tidak bersenjata</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Jenayah	Tahun		Jumlah	009	010	ragut				Samun bersenjata				Samun tidak bersenjata			
Jenayah	Tahun		Jumlah																		
	009	010																			
ragut																					
Samun bersenjata																					
Samun tidak bersenjata																					

Isi pelajaran.

Pakar B1 dan B2 menyatakan bahawa isi pelajaran yang digunakan dalam modul ini sesuai dan relevan dengan pelajar. Mereka menyatakan bahawa penggunaan isu semasa dalam dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sangat menarik minat pelajar. Namun mereka mencadangkan beberapa cadangan. Contohnya:

Jadual 4.3: *Komen Pakar Pedagogi terhadap Isi Pelajaran Modul*

Aspek Dinilai	Modul	Pakar B1	Pakar B2
Isi Pelajaran	Modul 1	Teks dalam Langkah Pelajaran 1 agak mudah. Namun teks 'Remaja dan Masalah Sosial' agak panjang. <i>Cadangan:</i> Dihadkan kepada 4 isu sahaja, iaitu isu sendiri, keluarga, masyarakat dan rakan-rakan. Isu keagamaan dan kewangan dikeluarkan daripada teks ini.	Teks dalam Langkah Pelajaran 1 agak mudah. Manakala teks 'Remaja dan Masalah Sosial dalam LP 2' agak panjang dan sukar dikuasai oleh pelajar dalam waktu yang ditetapkan. <i>Cadangan:</i> Hanya 4 isi sahaja dibincangkan.
	Modul 3	Teks tentang 'Kemiskinan Di Malaysia (Cerita Orang Asal)' dalam Langkah 3 agak panjang dan tidak menggambarkan tentang kemiskinan di negara ini secara menyeluruh. <i>Cadangan:</i> Gantikan dengan teks yang lain dan lebih menarik.	Teks dalam Langkah 3 tidak menarik kerana agak panjang. Gantikan dengan teks yang sesuai.

Kesesuaian dan keberkesanan aktiviti pelajaran.

Pakar B1 dan B2 mencadang beberapa pindaan terhadap aktiviti pelajaran yang dirancang dalam modul ini. Tujuannya adalah untuk memastikan aktiviti pelajaran menjadi lebih menarik dan dapat dijalankan secara tersusun. Antara cadangan mereka ialah:

Jadual 4.4: *Komen Pakar Pedagogi Terhadap Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Modul*

Aspek Dinilai	Modul	Pakar B1	Pakar B2
Aktiviti Pelajaran	Modul 3	<p>Perlu pengubahsuaian.</p> <p>Asal:</p> <p>L1: berbincang tentang kemiskinan berdasarkan gambar yang dilihat.</p> <p>L2: berbincang tentang kemiskinan berdasarkan kosa kata (simile) yang diberikan.</p> <p>L3: membaca teks tentang ‘Kemiskinan Di Malaysia: Cerita Orang Asal’ dan menyatakan pandangan untuk menyelesaikan masalah orang asal tersebut.</p> <p>Cadangan:</p> <p>L1: berbincang tentang kemiskinan berdasarkan video ‘Kemiskinan dunia’ yang ditonton bagi menimbulkan perasaan simpati pelajar.</p> <p>L2: berbincang tentang kemiskinan berdasarkan video/lagu ‘Wajah’ berdasarkan bait-bait lagu yang terdapat dalam lagu.</p> <p>L3: menulis sajak berdasarkan bait-bait lagu yang dipelajari.</p>	<p>Aktiviti pelajaran tidak sesuai kerana tidak berkesinambungan daripada aspek kemahiran bahasa khususnya untuk kemahiran menulis.</p> <p>Cadangan:</p> <p>Pinda agar sesuai.</p>
	Modul 4	<p>Perlu pengubahsuaian.</p> <p>Cadangan:</p> <p>L1: pelajar mengenal pasti kesilapan penggunaan kata sapaan dalam situasi yang berbeza secara kelas</p> <p>L2: pelajar menulis skrip (dialog) ringkas dengan menggunakan kata sapaan yang tepat berdasarkan situasi yang diberi (satu situasi bagi satu kumpulan)</p> <p>L3: menganalisis kesilapan kata sapaan yang terdapat dalam teks yang diberi (apa, mengapa, dan bagaimana sepatutnya)</p>	<p>Perlu ubah suai kerana tidak menarik dan sukar dijalankan. Aktiviti pelajaran dalam L1, L2, dan L3 seperti bertindan/aktiviti yang serupa. Gantikan dengan aktiviti yang lebih sesuai.</p>

Keberkesanan dan kesesuaian bahan pembelajaran.

Pakar menyatakan bahawa penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam modul ini bersifat pelbagai dan mempunyai maklumat yang cukup serta dapat mencabar minda pelajar. Menurut mereka, bahan pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pelajar mencapai objektif pelajaran. Namun, bagi menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran, mereka mencadangkan agar beberapa pindaan dilakukan. Antaranya ialah:

- (1) Gunakan keratan tajuk akhbar sebenar sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran agar aktiviti pelajaran lebih menarik (Modul 1: Induksi Set)
- (2). Teks atau petikan akhbar hendaklah mempunyai maklumat yang cukup (Modul 1: Langkah 1)
- (3) Teks jangan terlalu panjang dan hendaklah mudah difahami (Modul 1: Langkah 3; Modul 2: Langkah 2)
- (4) Gunakan gambar yang benar-benar menyentuh perasaan bagi menarik minat pelajar terhadap sesuatu yang dibincangkan (Modul 2: Induksi Set, Langkah 1; Modul 3: Induksi Set)
- (5) Gunakan gambar yang tidak mengelirukan bagi menggambarkan sesuatu isu. Elakkan daripada menggunakan gambar yang mengelirukan seperti gambar-gambar di bawah (sumber: Modul 2; Langkah 2). Menurut Pakar A, gambar di bawah ini (Gambar 4.1) mengelirukan kerana tidak memperlihatkan kejadian ragut dengan jelas.



Gambar 4.1. Mangsa ragut

- vi) sediakan lembaran kerja atau bahan sokongan seperti jadual atau rajah bagi membantu pelajar memahami teks yang dibaca (Modul 2: Langkah 2)
- vii) Gunakan lagu atau filem/drama bagi membantu aktiviti berbahasa (Modul 3: Langkah 2)
- viii) gunakan bahan autentik seperti rakaman mesyuarat, ucapan pelajar dalam perhimpunan, rakaman ‘aduan rakyat’ sebagai bahan untuk mengesan kesalahan bahasa (kata sapaan dalam konteks, Modul 4).

Kesesuaian dan keberkesanan penilaian.

Pakar B1 menyatakan bahawa strategi penilaian yang dijalankan dalam setiap modul berkaitan dengan objektif pelajaran, dapat memberi maklumat tentang pencapaian objektif pelajaran dan membantu guru merancang aktiviti pelajaran seterusnya. Namun, Pakar B1 mencadangkan guru memudahkan aktiviti pelajaran dalam Langkah 2 (Modul 2) agar tugas pelajar mudah dinilai. Begitu juga dengan cadangan Pakar B2. Cadangan mereka ialah:

Modul 2: Langkah 2 (Asal)

Masa: 20 minit

BBM: Edaran bahan grafik, teks/petikan akhbar/berita/statistik peningkatan jenayah (Lampiran 3a dan 3b).

Aktiviti: Membaca dan mencari maklumat daripada teks.

1. Guru membahagikan pelajar kepada 4 kumpulan.
2. Setiap kumpulan diedarkan satu artikel tentang kejadian kes ragut.
3. Pelajar diminta membaca petikan tersebut sambil mengenal pasti isu yang dibincangkan.
4. Pelajar diminta menjawab soalan yang dikemukakan dalam teks secara berkumpulan.
5. Berdasarkan bahan yang dibaca/dibincang, pelajar diminta membentuk bahan grafik bagi menyampaikan tugas yang diberi. Bahan grafik boleh berbentuk graf, rajah, jadual dan sebagainya

Modul 2: Langkah 2 (Pindaan bagi aktiviti 4 dan 5):

1. Guru membahagikan pelajar kepada 4 kumpulan.
2. Setiap kumpulan diedarkan satu artikel tentang kejadian kes ragut.
3. Pelajar diminta membaca petikan tersebut sambil mengenal pasti isu yang dibincangkan.
4. Pelajar diminta menjawab soalan yang dikemukakan dalam teks secara berkumpulan.
5. Berdasarkan bahan yang dibaca/dibincang, **lengkapkan jadual di bawah dengan maklumat yang sesuai bagi menunjukkan peningkatan kes ragut di Kuala Lumpur.**

Jadual Kadar Jenayah Ragut Di Kuala Lumpur bagi Tahun 2009 dan 2010

Jenayah	Tahun		Jumlah
	2009	2010	
Ragut			
Samun bersenjata			
Samun tidak bersenjata			

Kesimpulannya cadangan dan pandangan Pakar B1 dan B2 terhadap modul yang dinilai adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- (1) Pernyataan objektif pelajaran perlu ditulis dengan jelas dan boleh diukur.
- (2) Isi pelajaran perlu dikembangkan dengan tersusun agar sejajar dengan objektif pelajaran dan sejajar dengan dengan prinsip penyampaian mesej pelajaran.
- (3) Gunakan bahan sokongan seperti lembaran kerja bagi membantu pelajar menguasai kemahiran yang sukar.
- (4) Pastikan isi pelajaran tidak terlalu senang/sedikit atau terlalu susah/membebankan.
- (5) Gunakan bahan yang pelbagai, autentik, dan tidak mengelirukan pelajar.
- (6) Sediakan lembaran kerja dan bahan yang sesuai bagi memudahkan pelajar mencapai objektif pelajaran.

Penilaian pakar reka bentuk pengajaran.

Dua pakar dilibatkan dalam menilai modul ini. Mereka ditandai sebagai Pakar C1 dan C2. Kedua-duanya ialah pensyarah kanan dalam bidang teknologi dan reka bentuk pengajaran. Pakar C1 berpengalaman mengajar bidang reka bentuk pengajaran Bahasa Melayu di IPT selama 8 tahun. Pakar C2 pula berpengalaman mengajar dalam bidang teknologi dan pengajaran selama 12 tahun. Beliau juga merupakan Pengarah Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia di UPSI. Kedua-duanya memiliki Ph.D dalam bidang teknologi pengajaran. Pakar C1, misalnya memiliki Ph. D dalam bidang teknologi pengajaran Bahasa Melayu.

Kedua-dua pakar ini meneliti modul ini dengan terperinci. Beberapa sesi temu bual secara bersemuka diadakan kerana mereka kesuntukan masa untuk menyemak modul dalam satu masa. Komen dan cadangan mereka terhadap modul ini merangkumi aspek yang berikut, iaitu objektif pelajaran, urutan aktiviti pelajaran, teknikal dan

kualiti BBM, kejelasan bahan mengajar, dan reka bentuk mesej dan bahan pengajaran dan pembelajaran.

Kesesuaian objektif pelajaran.

Pakar C1 dan C2 melakukan semakan terhadap modul yang dibangunkan ini. Secara keseluruhannya, mereka berpendapat bahawa objektif pelajaran ditulis dengan baik dan jelas. Namun, mereka mencadangkan beberapa saranan bagi memastikan objektif pelajaran setiap modul jelas, boleh diukur, memenuhi syarat atau kriteria pencapaian (*level of achievement*) dan syarat prestasi (*conditions of performance*), dan selari dengan pencapaian. Pakar C1, misalnya mencadangkan agar objektif pelajaran Modul 2 dan Modul 7 diubah suai kerana Objektif Pelajaran 1 bagi kedua-dua modul ini, iaitu ‘menyatakan perasaan’ tidak boleh diukur, manakala Objektif Pelajaran 2 bagi Modul 1 tidak menjelaskan apakah maklumat yang perlu diisikan dalam jadual yang diberi oleh guru. Antara cadangannya ialah:

Cadangan 1:

Objektif Pelajaran Modul 2 (Asal)

Pada akhir pelajaran pelajar dapat:

- i) Menyatakan perasaan mereka terhadap isu yang dibincangkan secara lisan.
- ii) Mengisi maklumat yang terdapat dalam teks yang dibaca ke dalam bentuk grafik.

Objektif Pelajaran Modul 2 (Pindaan)

Pada akhir pelajaran pelajar dapat:

- i) Menyatakan pandangan secara lisan terhadap bahan atau gambar jenayah ragut yang dipaparkan oleh guru.
- ii) Mengisi maklumat dengan lengkap tentang kadar peningkatan jenayah ragut di Kuala Lumpur dalam jadual yang disediakan.

Cadangan 2:

Objektif Pelajaran Modul 3 (Asal):

Pada akhir pembelajaran pelajar dapat:

- i) Mengutarakan soalan yang berbentuk provokasi bagi menyatakan pemikiran atau pendapat berdasarkan isu yang dibincangkan.
- ii) Menulis sajak pendek dengan menggunakan kata-kata retorik bagi menyampaikan pandangan.

Objektif Pelajaran Modul 3 (Pindaan):

Pada akhir pembelajaran pelajar dapat:

- i) Menyatakan pandangan mereka secara lisan terhadap video yang ditontonkan.
- ii) Menulis sajak yang bertemakan kemiskinan dengan menggunakan frasa-frasa yang indah, sama ada yang terdapat dalam lagu 'Wajah' atau ciptaan sendiri.

Cadangan 3:

Objektif Pelajaran Modul 5 (Asal):

Pada akhir pembelajaran pelajar dapat:

- i) Menyatakan nilai-nilai masyarakat Malaysia secara lisan berdasarkan gambar kartun yang ditunjukkan.
- ii) Menyatakan contoh-contoh nilai masyarakat Malaysia secara spontan berdasarkan pengalaman sendiri.

Objektif Pelajaran Modul 5 (cadangan Pakar C1)

Pada akhir pembelajaran pelajar dapat:

- i) Menyatakan sekurang-kurang 2 peribahasa dengan betul yang menggambarkan nilai masyarakat Malaysia berdasarkan gambar yang dilihat.
- ii) Menulis karangan jenis peribahasa yang panjangnya 200 patah perkataan berdasarkan isi yang dibincangkan

Cadangan 4:

Objektif Pelajaran Modul 7 (Asal):

Pada akhir pembelajaran pelajar dapat:

- i) Menyatakan perasaan mereka terhadap alam sekitar berdasarkan bahan yang didengar, ditonton dan dibaca.

- ii) Menyatakan kesan-kesan dan cara mengatasi pemanasan global.

Objektif Pelajaran Modul 7 (Pindaan):

Pada akhir pembelajaran pelajar dapat:

- i) Menyatakan pandangan mereka terhadap bunyi-bunyi alam secara lisan berdasarkan rakaman yang diperdengarkan.
- ii) Menyatakan kesan-kesan dan cara mengatasi pemanasan global berdasarkan teks yang dibaca.

Kesesuaian dan kebolehlaksanaan urutan (sequencing) pelajaran.

Pakar C2 mencadangkan agar beberapa langkah pelajaran disusun semula bagi memastikan urutan pelajaran berjalan dengan teratur. Dalam Modul 5 misalnya, Pakar C2 mencadangkan agar urutan aktiviti pelajaran dipinda seperti yang berikut:

Cadangan 1:

Modul 5 (Urutan Pelajaran Asal)

- Langkah 1: Mencari nilai masyarakat lewat kartun Lat.
- Langkah 2: Perbincangan tentang kehidupan masa kini.
- Langkah 3: Menulis artikel tentang nilai masyarakat Melayu

Modul 5 (Urutan Pelajaran Pindaan)

- Langkah 1: Mengenal pasti nilai masyarakat Malaysia melalui gambar/kartun Lat
- Langkah 2: Perbincangan tentang kepincangan nilai masyarakat Malaysia berdasarkan petikan akhbar
- Langkah 3: Menulis karangan ringkas berdasarkan peribahasa ‘berat sama dipikul, ringan sama dijinjing’.

Pakar C1 pula mencadangkan agar pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBM) (*problem based learning*) digunakan dalam mana-mana modul yang tujuannya adalah untuk menggalakkan pelajar mentranformasikan pengetahuan mereka. Beliau mencadangkan aktiviti pengajaran dalam Modul 2, 3, 7, 8, dan 9 dijalankan

berdasarkan langkah-langkah PBM, iaitu pernyataan konsep, paparan fakta (statistik/gambar), faktor-faktor, akibat dan penyelesaian masalah. Tujuannya adalah bagi memastikan pelajar terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran dan menggalakkan pembelajaran koperatif. Antara cadangan beliau ialah:

Cadangan 2:

Modul 2 (Aktiviti pelajaran asal):

Induksi Set: Memperkenalkan isu jenayah ragut.

Langkah 1: Memaparkan isu jenayah ragut berdasarkan gambar pegun

Langkah 2: Membaca petikan akhbar bagi mendapatkan maklumat tentang peningkatan kes ragut di Kuala Lumpur

Langkah 3: Membentang hasil perbincangan di hadapan kelas secara berkumpulan.

Modul 2 (Aktiviti pelajaran cadangan):

Induksi Set: Memperkenalkan isu jenayah ragut.

Langkah 1: Memaparkan isu jenayah di Malaysia termasuk jenayah ragut berdasarkan bahan statistik/grafik yang relevan.

Langkah 2: Membaca petikan akhbar bagi mendapatkan maklumat tentang peningkatan kes ragut di Kuala Lumpur

Langkah 3: Menyatakan pandangan bagi mengatasi jenayah ragut dalam bentuk esei yang panjangnya kira-kira 120 patah perkataan.

Cadangan 3:

Modul 8: Tajuk- Pelancongan Eko

Aktiviti pelajaran asal:

Induksi Set: Memperkenalkan konsep pelancongan melalui logo ‘Cuti-cuti Malaysia’.

Langkah 1: Berbincang tentang ‘pelancongan eko’ melalui video ‘Malaysia Truly Asia’.

Langkah 2: Berbincang tentang Pusat Perlindungan Orang Hutan, Sepilok sebagai satu daripada pusat pelancongan eko negara.

Langkah 3: Berbincang tentang pandangan pelancong asing terhadap pusat pemeliharaan Orang Hutan Sepilok.

Langkah 4: Membuat jadual lawatan ke salah satu pusat pelancongan eko di negara ini.

Modul 8: Tajuk- Pelancongan Eko

Aktiviti pelajaran Cadangan:

Induksi Set: Memperkenalkan tempat-tempat pelancongan di Malaysia melalui brosur/rakaman video.

Langkah 1: Memaparkan kepentingan ‘pelancongan eko’ di Malaysia melalui video ‘Malaysia Truly Asia’ dan data yang relevan.

Langkah 2: Berbincang tentang masalah yang dihadapi oleh negara dalam mengekalkan pelancongan eko di negara ini.

Langkah 3: Menyatakan pandangan tentang ‘usaha-usaha memupuk pelancongan eko di negara ini’ dalam bentuk karangan yang lengkap.

Cadangan 4:

Modul 9: Tajuk- Menghargai nilai air

Aktiviti pelajaran asal:

Induksi Set: Pengenalan kepada kepentingan air.

Langkah 1: Berbincang tentang kegunaan dan kepentingan air .

Langkah 2: Membaca dan menyatakan sebab-sebab air harus dihargai.

Langkah 3: Mengesan jenis kemusnahan, punca dan kesan pencemaran sungai terhadap alam sekitar.

Modul 9: Tajuk- Menghargai nilai sungai

Aktiviti pelajaran pindaan:

Induksi Set: Pengenalan kepada sejarah penggunaan sungai kepada masyarakat zaman dahulu.

Langkah 1: Berbincang tentang kegunaan dan kepentingan sungai berdasarkan video yang ditonton

Langkah 2: Membaca dan menyatakan sebab-sebab sungai harus dihargai.

Langkah 3: Menyatakan pandangan terhadap usaha memelihara kelestarian sungai.

Kesesuaian reka bentuk mesej dan bahan pengajaran dan pembelajaran.

Penilaian reka bentuk mesej dan bahan pengajaran dan pembelajaran melibatkan proses penilaian pakar terhadap strategi penyampaian mesej dan bahan

pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam modul ini. Secara keseluruhannya, Pakar C1 dan C2 menyatakan bahawa mesej dan bahan pengajaran dan pembelajaran dirancang dengan baik khususnya dari aspek (1) membantu pelajar memahami pembelajaran, (2) memotivasikan pelajar, (3) memenuhi gaya belajar pelajar, (4) bersifat autentik, (5) bersesuaian dengan aras pengetahuan pelajar, (6) bersifat konkrit, dan (7) tidak membebankan pelajar.

Pakar C2 juga, misalnya menyatakan bahawa teks “Pemanasan Global: Bumi Amanah Kita” dalam Modul 7 sangat sesuai digunakan dalam pengajaran pemahaman kerana ia mengandungi penanda teks (penanda tipografi) yang mencukupi bagi membezakan antara topik, idea utama dan kandungan

Namun, bagi memantapkan penyampaian mesej dan penggunaan bahan, pakar mencadangkan beberapa saranan. Antara saranan mereka ialah menggantikan bahan pengajaran dan pembelajaran yang tidak sesuai dengan bahan yang lebih tepat, menarik dan mempunyai maklumat yang lengkap. Dalam Modul 1 misalnya, Pakar C1 mencadangkan agar keratan akhbar yang digunakan dalam Induksi Set memfokuskan kepada satu isu sahaja, iaitu isu ‘buang bayi’. Malah, Pakar C1 dan C2 sependapat mencadangkan penggunaan gambar atau video adalah lebih baik berbanding keratan akhbar bagi menggambarkan fenomena ‘buang bayi’ di negara ini. Pakar C1 juga menyatakan bahawa penggunaan teks ‘Remaja dan Masalah Sosial’ tidak sesuai dengan tajuk atau topik pelajaran. Beliau mencadangkan agar teks yang berkisar tentang isu ‘remaja dan buang bayi’ digunakan.

Pakar C2 pula menyatakan bahawa tajuk Modul 8 tidak sesuai dan melirukan dengan tema yang ingin disampaikan, iaitu pelancongan eko. Beliau mencadangkan agar modul ini membincangkan isu pelancongan eko dari aspek cabaran dan usaha meningkatkan prestasi pelancongan ini. Antara bahan yang beliau

cadangkan ialah video ‘Malaysia Truly Asia’ dan gambar-gambar atau video tentang pencemaran alam sekitar.

Di samping itu Pakar C1 dan C2 juga mencadangkan penggunaan peta minda dalam aktiviti penutup bagi membantu pelajar membuat kesimpulan terhadap setiap sesi pelajaran yang mereka ikuti. Pakar C1, misalnya mencadangkan penggunaan peta minda digunakan bagi membantu pelajar membincangkan usaha-usaha memupuk pelancongan eko dalam Modul 8.

Kualiti aspek teknikal bahan bantu mengajar.

Pakar C1 dan Pakar C2 menyatakan bahawa kualiti video dan rakaman audio dalam modul yang dibangunkan ini boleh ditingkatkan lagi kualitinya, khususnya dari aspek mutu suara dan gambar. Pakar C1, misalnya menyatakan kualiti video “Kemiskinan Sejagat” yang digunakan dalam Langkah 1 (Modul 3) kurang sesuai kerana lagu latarnya berbahasa Inggeris. Mereka mencadangkan agar video yang lebih sesuai digunakan. Dalam Modul 5 pula, gambar atau kartun Lat yang digunakan tidak sesuai dengan aktiviti yang dijalankan kerana tidak menggambarkan keseluruhan budaya masyarakat Malaysia. Mereka mencadangkan agar gambar atau kartun yang memaparkan nilai masyarakat Malaysia digunakan. Pakar C1, misalnya mencadangkan agar bahan yang dapat menggambarkan konsep ‘1 Malaysia’ seperti makanan (nasi lemak, roti canai, dan kiew teow) digunakan sebagai bahan rangsangan. Namun, mereka menyatakan bahawa gambar yang digunakan dalam Modul 6 (Gambar 4.2) berkesan kerana dapat menunjukkan dua sikap atau amalan kehidupan yang berbeza antara kanak-kanak dan orang dewasa.



Gambar 4.2. Bahan yang digunakan bagi menunjukkan perbezaan dua golongan masyarakat menaiki bas.

Di samping itu, Pakar C2 menyarankan agar pemilihan bahan pengajaran dan pembelajaran hendaklah mengambil kira kemudahan yang terdapat di sekolah kajian. Menurut beliau, penggunaan video dan pita rakaman memerlukan peralatan sokongan seperti LCD dan pembesar suara. Oleh itu, bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar, beliau mencadangkan agar penyelidik menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lain jika berlaku apa-apa yang tidak dijangkakan.

Dari aspek masa yang digunakan untuk mengendalikan bahan pengajaran dan pembelajaran, Pakar C1 dan C2 sepakat mengatakan bahawa teks ‘Remaja dan Masalah Sosial’ (Modul 1, Langkah 2) sangat panjang dan dijangka tidak dapat dijalankan dalam masa yang ditetapkan. Mereka mencadangkan teks ini dipendekkan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dalam waktu yang ditetapkan. Menyentuh tentang bahan audio dan video pula, Pakar C1 menyatakan bahawa penggunaan sedutan filem ‘*Seniman Bujang Lapok*’ dalam langkah pengajaran 1 dan 2 (Modul 6) diset dengan baik dan tepat berdasarkan waktu yang ditetapkan.

Kejelasan bahan bantu mengajar (BBM).

Pakar C1 dan C2 menyatakan bahawa ilustrasi, rajah, teks, kualiti teks, istilah dan 'step size' yang digunakan dalam modul ini masih boleh ditingkatkan lagi. Mereka mencadangkan penggunaan bahan cetakan 'Catatan Pengalaman Pelancong Asing ke Pusat Lindungan Orang Hutan di Sepilok' tidak berkesan kerana bahan bercetak ini tidak jelas dan tulisannya terlalu kecil. Mereka mencadangkan supaya laman web sebenar digunakan agar lebih jelas dan menarik.

Dalam Modul 2 pula, Pakar C1 dan C2 setuju dengan pandangan bahawa ilustrasi yang digunakan bagi menggambarkan kejadian ragut dalam Induksi Set sangat jelas dan dapat menunjukkan situasi ragut yang sebenar. Namun, mereka menyatakan bahawa gambar yang digunakan dalam Langkah 1 modul yang sama ini tidak dapat mewakili jenayah ragut dengan tepat. Mereka mencadangkan penggunaan gambar bersiri atau keratan akhbar tentang mangsa kejadian ragut digunakan.

Rumusan dan Implikasi Pengajaran

Kesimpulannya cadangan dan pandangan Pakar C1 dan C2 terhadap modul yang dinilai adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- a. Pernyataan objektif pelajaran perlu memenuhi syarat atau kriteria pencapaian (*level of achievement*) dan syarat prestasi (*conditions of performance*), dan selari dengan pencapaian.
- b. Langkah pelajaran disusun semula bagi memastikan urutan pelajaran berjalan dengan teratur.
- c. Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBM) (*problem based learning*) hendaklah digunakan dalam mana-mana modul yang tujuannya

adalah untuk menggalakkan pelajar menyatakan pandangan mereka terhadap sesuatu isu.

- d. Pastikan strategi pengajaran dan bahan pengajaran dan pembelajaran dapat (a) membantu pelajar memahami pembelajaran, (b) memotivasikan pelajar, (c) memenuhi gaya belajar pelajar, (d) bersifat autentik, (e) bersesuaian dengan aras pengetahuan pelajar, (f) bersifat konkrit, dan (g) tidak membebankan pelajar.
- e. Gunakan bahan yang pelbagai dan menarik seperti video, bahan grafik dan kartun bagi menarik perhatian pelajar dan dapat menyampaikan maklumat yang lengkap dan menyeluruh serta bukan sahaja mendidik tetapi menghiburkan pelajar.
- f. Tingkatkan mutu suara, dan gambar yang digunakan dalam modul ini.
- g. Pastikan bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan memenuhi keperluan pelajar yang berbilang kaum, pencapaian, dan latar belakang.
- h. Pastikan bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam modul mengambil kira kemudahan yang sedia ada dan masa yang diperuntukkan.
- i. Teks yang digunakan hendaklah jelas dan tidak mempunyai beban kognitif yang tinggi.
- j. Gunakan bahan yang mempunyai maklumat yang tidak mengelirukan pelajar.